



KENYATAAN MEDIA
PROGRAM GERAK RAHMAH 2023 – JOM MASAK BUBUR LAMBUK
MENYEDIAKAN 300,000 BEKAS BUBUR LAMBUK DI SELURUH
NEGARA

1 April 2023, KUCHING – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir merasmikan Program GERAK RAHMAH 2023 - Jom Masak Bubur Lambuk yang dianjurkan serentak di seluruh negara oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di Dewan Serbaguna KRT Semariang Batu, Kuching, Sarawak.

2. Program GERAK RAHMAH 2023 adalah merupakan salah satu inisiatif yang bertujuan memperkasa, mempertingkatkan dan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan serta kesukarelawanan dalam komuniti khususnya dalam mendukung aspirasi Kerajaan untuk membangunkan Komuniti RAHMAH. Terdahulu, Program GERAK RAHMAH 2023 – Jom Sihat telah dilaksanakan pada 25 Februari 2023 yang lalu melalui penyertaan lebih 4,995 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dengan penglibatan lebih 100,000 orang komuniti di seluruh negara. Kemudian, Program GERAK RAHMAH 2023 - Jom Ronda pula telah diadakan pada 17 Mac 2023 dengan penyertaan sebanyak 3,075 Skim Rondaan Sukarela (SRS) dengan penyertaan melebihi 100,000 orang komuniti dari seluruh negara.

3. Program Gerak RAHMAH 2023 juga merupakan salah satu program di bawah *Flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang telah dilancarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara pada 1 Mac 2023 di mana ia memayungi 3 kluster utama iaitu:

- (i) Semarak Kenegaraan;
- (ii) Semarak Perpaduan; dan
- (iii) Program Komuniti RAHMAH.

4. Program GERAH RAHMAH 2023 - Jom Masak Bubur Lambuk pada kali ini pula merupakan aktiviti gotong-royong memasak dan mengagihkan bubur lambuk yang melibatkan penyertaan lebih 3,000 KRT atau 40 peratus daripada keseluruhan KRT di seluruh negara.
5. Menurut YB Menteri, Kementerian telah mensasarkan penyediaan sebanyak 300,000 bekas bubur lambuk dan melibatkan hampir 60,000 petugas sukarela yang terdiri daripada ahli KRT, wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), rakan strategik perpaduan, pemimpin-pemimpin masyarakat pelbagai kaum dan pemimpin-pemimpin pertubuhan agama.
6. Program yang bermula seawal jam 9.00 pagi ini dimulakan dengan aktiviti 'rewang' dan diikuti dengan pengagihan bubur lambuk kepada kumpulan sasar dan orang ramai melalui segmen Ziarah Rahmah dan Semarak Kasih Ramadan Bersama Komuniti Rahmah 2023.
7. Turut serta di dalam program yang sama adalah agensi-agensi di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara seperti Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Arkib Negara, Perpustakaan Negara Malaysia dan Yayasan Sukarelawan Siswa.
8. Menurut YB Datuk Aaron, program seumpama ini yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan agama serta kerjasama pelbagai pihak dan agensi menggambarkan bagaimana masyarakat Malaysia hidup saling menghormati, bertoleransi serta bekerjasama. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, YB Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina binti Sidek, serta beberapa EXCO Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta pemimpin yang turut sama menjayakan program ini di seluruh negara.
9. "Besarlah harapan saya melihat pelbagai lapisan masyarakat bersama pemimpin-pemimpin komuniti saling bekerjasama dalam menganjur dan mengambil peranan yang sememangnya memupuk

perpaduan masyarakat pelbagai kaum yang melambangkan keharmonian hidup dalam komuniti. Usaha ini wajar diteruskan agar ikatan perpaduan dapat terus dipertingkatkan pada masa hadapan,” jelas Datuk Aaron lagi.

Kementerian Perpaduan Negara

1 April 2023

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (10)